

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

'Satu Doktor, Satu Keluarga' diperkasa

KKM mahu pastikan
setiap keluarga
punya seorang doktor
yang dipercayai

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan menyarankan konsep 'Satu Doktor, Satu Keluarga' diperkasakan kembali untuk memastikan setiap keluarga di Malaysia mempunyai seorang doktor keluarga yang dikenali, dipercayai, dan mudah diakses.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berpendapat konsep tersebut merupakan satu langkah ke hadapan yang akan menjamin sektor kesihatan negara berada dalam situasi

yang mampan.

"Kita mahukan komitmen yang utuh, institusi keluarga, untuk kita anjurkan dan budayakan, akhirnya nanti satu aspirasi ke arah 'Satu Doktor, Satu Keluarga' dan ia benar-benar harapan dan impian (dalam) aspek kesihatan keluarga.

"Saya yakin kita mahu pastikan setiap keluarga di Malaysia mempunyai seorang doktor yang benar-benar mengenai, dipercayai dan mudah diakses oleh setiap keluarga...saya percaya polisi ini merupakan satu langkah ke hadapan," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan lanjut mengenai konsep dan kaedah pelaksanaan dasar berkenaan, namun me-



DR DZULKEFLY

ngakui ia akan mengambil masa agak lama untuk dilaksanakan.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan tama di Hari Doktor Keluarga Sedunia 2025 dan FitCPR Run yang dianjurkan oleh Persatuan Pakar-Pakar Perubatan Keluarga

Malaysia dan Akademi Doktor Keluarga Malaysia di Akademi Perubatan Malaysia, di sini pada Ahad.

Dr Dzulkefly turut menyertai acara latihan bantuan pernafasan (CPR) komuniti terbesar (FitCPR) iaitu satu kaedah latihan pantas melalui modul 5T yang dibangunkan dengan kerjasama Klinik As-Salam dan Salam Edumed bersama Universiti Kebangsaan Malaysia. - Awani



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL



ADA pihak berpendapat walaupun pengharaman vape dilihat langkah baik daripada sudut kawalan, pelaksanaannya wajar selari dengan ketegasan terhadap penjualan rokok.

‘Pastikan selesai hingga akar masalah’

Pengharaman vape dilihat ada kekeliruan dasar: Amal Sejagat

Oleh Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Cadangan pengharaman produk rokok elektronik atau vape dibimbangi mengundang kesan lebih buruk termasuk kemunculan pasaran gelap vape dan peningkatan semula tabiat merokok.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Amal Sejagat Malaysia (Amal Sejagat), Mohd Nor Izzat Mohd Johari berkata, walaupun pengharaman vape dilihat langkah baik daripada sudut kawalan, pelaksanaannya wajar selari dengan ketegasan terhadap penjualan rokok.

“Kita perlu realistik, ramai perokok tegar berhenti

merokok sebab beralih kepada vape. Kalau vape diharamkan sepenuhnya, tak mustahil mereka kembali merokok.

“Saya juga tidak menafikan penjualan vape pada hari ini memang tidak terkawal, malah ada pihak yang sanggup mencampur bahan terlarang dalam cecairnya demi keuntungan.

“Tapi itu bukan alasan untuk diharamkan sebelah pihak saja. Kalau kerajaan serius mahu melindungi rakyat, rokok pun kena haramkan kerana dua-duanya berbahaya,” katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, isu ini seolah-olah memperlihatkan

kekeliruan dasar apabila vape ditekan habis-habisan, tetapi rokok masih bebas dijual, bahkan mudah didapati termasuk rokok seludup.

“Fatwa sudah sebut kedua-duanya haram, tapi kenapa penjualan vape saja yang mahu dihentikan? Rokok tak disentuh pun. Di mana logiknya?”

“Kalau vape diharamkan, pastikan juga rokok tidak terus berleluasa. Baru orang nampak kerajaan serius dan adil dalam membuat keputusan,” katanya.

Katanya, kesedaran masyarakat memang penting, namun tanggungjawab lebih besar terletak pada kerajaan untuk mewujudkan

persekitaran yang konsisten daripada segi undang-undang dan pelaksanaan berkaitan.

“Jika kerajaan benar-benar mahu berpanduan agama dan kesihatan rakyat, tiada pilihan lain selain mengharamkan produk rokok dan vape secara menyeluruh,” katanya.

Katanya, cadangan mengharamkan penjualan vape boleh dilaksanakan, namun kerajaan perlu memastikan langkah itu benar-benar menyelesaikan akar masalah.

Untuk rekod, kerajaan negeri Kelantan mengharamkan penjualan vape sejak 2015, diikuti Johor pada 2016, Terengganu dan Perlis (berkuat kuasa 1 Ogos ini), serta Kedah yang menghentikan pengeluaran dan pembaharuan lesen mulai 2026.

“
Kalau vape
diharamkan
sepenuhnya, tak
mustahil mereka
kembali merokok
Mohd Nor Izzat

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Kosmetik beracun dijual secara terbuka

Produk dijual
tanpa maklumat
jelas dan guna
testimoni palsu

Oleh **AMIRUL AIMAN OSMAN**
aiman.osman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Meskipun nombor notifikasi kelulusan daripada Kementerian Kesihatan telah ditarik balik, terdapat produk kosmetik yang mengandungi racun berjadual terus dijual secara terbuka di platform e-dagang dan media sosial.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati antara produk paling banyak dijual termasuk krim pemutih, pelembap wajah, serta sabun pencuci muka yang dipercayai mengandungi bahan kimia berbahaya seperti hidrokuinon, merkuri, dan tretinoin.

Bersambung di muka 2



Peluang perniagaan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap pada BRICS Business Forum bertemakan *Bridging Continents, Building Future: A Shared Agenda for Sustainable Progress* sempena Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS ke-17 di Rio De Janeiro, Brazil kelmarin. - PEJABAT PERDANA MENTERI

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kosmetik beracun dijual secara terbuka

Dari muka 1

Kosmetik terbabit yang turut mengandungi bahan kimia *dexamethasone*, *chlorpheniramine* dan *sibutramine* diketahui boleh memberi kesan buruk kepada fungsi buah pinggang, hati, kelenjar adrenal dan sistem saraf manusia, tidak sepatutnya digunakan dalam produk penjagaan kulit tanpa kawalan pakar.

Menurut data daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), produk-produk tersebut disahkan tersenarai dalam kategori kosmetik yang ditarik balik, sekali gus menjadikan sebarang penjualan atau pengedarannya satu kesalahan di sisi undang-undang.

Kebanyakan produk terlarang itu dijual tanpa sebarang maklumat jelas berkenaan nombor notifikasi KKM, malah ada yang menggunakan testimoni pengguna palsu bagi menarik perhatian pembeli, khususnya wanita dan remaja.

Lebih mengejutkan, semakan ke beberapa platform jualan dalam talian mendapati masih wujud maklum balas pengguna terhadap produk kosmetik yang disenarai hitam dan ditarik balik oleh pihak berkuasa, walaupun notis larangan dikeluarkan.

Baru-baru ini KKM mendedahkan rampasan lebih RM3.84 juta melibatkan lebih 47,000 barangan kesihatan dan 89,000 kosmetik dari 2018 hingga awal 2023. Pada 2024 sahaja, lebih 12 jenis produk kosmetik dikesan mengandungi racun dan telah ditarik balik secara rasmi.

Menurut sumber industri kosmetik tempatan yang enggan dikenali, kebanyakan produk kosmetik 'timbang kilo' ini diimport secara besar-besaran dari Thailand dan China sebe-



Dalam seminggu kulit saya bertukar putih dan licin, namun selepas beberapa bulan, ia jadi sensitif, tumbuh jerawat besar dan mengelupas. Saya kini terpaksa menjalani rawatan dermatologi berterusan yang menelan kos ratusan ringgit sebulan bagi memulihkan semula kesan kerosakan kulitnya itu."

ADIBAH ALIAH

lum dilabel semula dan dijual semula di pasaran tempatan.

"Produk ini datang dalam pelbagai gred, A hingga D. Kebanyakan pengasas di Malaysia akan pilih gred C sebab murah dan boleh mengeluarkan produk dalam kuantiti besar dengan kos rendah. Dengan hanya RM1,500, mereka boleh hasilkan 5,000 botol kecil," katanya.

Produk murah itu dijual pada harga tinggi mencecah ratusan ringgit sebotol, sekaligus menghasilkan keuntu-

ngan berlipat kali ganda, biarpun merisikokan kesihatan kepada pengguna.

Adibah Aliah, 21, antara mangsa produk kosmetik beracun berkongsi kisah ngeri apabila wajahnya rosak akibat penggunaan produk pemutih mengandungi merkuri kerana mahu cantik segera.

"Dalam seminggu kulit saya bertukar putih dan licin, namun selepas beberapa bulan, ia jadi sensitif, tumbuh jerawat besar dan mengelupas.

"Saya kini terpaksa menjalani rawatan dermatologi berterusan yang menelan kos ratusan ringgit sebulan bagi memulihkan semula kesan kerosakan kulitnya itu.

"Sekarang saya trauma nak cuba sebarang produk tanpa nasihat pakar," katanya.

Sementara itu, Ahli farmasi, Nurul Nabilah Hussain menegaskan, penggunaan produk bermerkuri atau mengandungi tretinoin tanpa kawalan boleh membawa risiko keracunan kronik dan gangguan sistem tubuh.

Katanya, bahan seperti merkuri boleh diserap ke dalam darah dan merosakkan buah pinggang serta otak.

"Kajian menunjukkan kesan jangka panjang termasuk masalah mental, kebas dan dalam kes wanita hamil, ia boleh jejas perkembangan bayi dalam kandungan.

"Saya menggesa pihak berkuasa memperketat penguatkuasaan dan meningkatkan pemantauan terhadap penjualan dalam talian yang kini menjadi lubuk utama produk kosmetik haram," katanya.

Beliau turut mengingatkan pengguna khususnya wanita menyemak status produk di laman NPRA dan elakkan membeli kosmetik yang tidak jelas status keselamatannya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Doktor cukup dan mudah akses, syarat penting 'Satu Doktor, Satu Keluarga'

SHAH ALAM - Beberapa keperluan penting perlu dipenuhi bagi menjayakan inisiatif 'Satu Doktor, Satu Keluarga' oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk memastikan lokasi klinik mudah diakses oleh setiap komuniti, termasuk di luar bandar.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, saranan lain turut melibatkan keperluan bilangan doktor yang mencukupi dan penyelarasan mutu perkhidmatan kesihatan di semua fasiliti bagi memastikan tidak berlaku jurang kualiti antara kawasan.

"Mekanisme bayaran atau pembiayaan perlu dirangka, mungkin boleh digabungkan dengan sistem insurans kesihatan kebangsaan yang lebih menyeluruh," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Ujar Dr Zainal Ariffin, pendekatan tersebut telah lama diamalkan di negara maju dan terbukti memberi kesan positif kepada kualiti penjagaan kesihatan rakyat.

Menurutnya, konsep berkenaan juga setara dengan perkhidmatan terbaik yang ditawarkan di banyak negara yang menumpukan kepada kesihatan komuniti secara menyeluruh.

"Inisiatif di bawah KKM ini adalah sangat baik dan patut disegerakan. Melalui dasar berkenaan, perkhidmatan penjagaan kesihatan menjadi lebih personal dan tersusun.

"Setiap keluarga mendapat khidmat nasihat dan pemantauan kesihatan secara terus daripada doktor yang sama serta meningkatkan kualiti rawatan," ujarnya.

Tambahnya, inisiatif tersebut membolehkan doktor memberi nasihat dan rawatan secara berterusan serta lebih tepat kerana mereka sudah mengenal pasti sejarah kesihatan pesakit.

"Dasar tersebut turut mampu mengurangkan beban hospital. Dengan penjagaan kesihatan primer yang lebih baik, pesakit kurang bergantung pada hospital untuk masalah kesihatan rutin," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NEGARA

Makan ubat bertahun-tahun, penyakit tidak juga sembuh

SAUDARA PENGARANG,

BARU-baru ini saya pergi ke sebuah hospital kerajaan. Seperti biasa, ramai orang yang sedang menunggu giliran mendapatkan rawatan.

Berbagai jenis penyakit yang orang Malaysia ada seperti kencing manis, darah tinggi, jantung, kanser dan lain-lain.

Sedang saya sama-sama menunggu, terdengar satu perbualan di antara pesakit warga emas dengan salah seorang staf perubatan di kaunter.

Warga emas itu diberi tarikh

bertemu doktor pada Disember depan untuk rawatan susulan. Hal itu membuatkan dia termenung sekejap. Mungkin kerana dia fikir perlu menunggu lagi lima bulan untuk bertemu doktor.

Saya tidak pasti apa penyakitnya tetapi ia sudah tentu berkenaan sesuatu yang merusinkannya. Apa boleh buat, memang pesakit di hospital kerajaan akan diberi tarikh yang berbulan-bulan untuk janji temu seterusnya jika tidak terlalu kritikal.

Saya agak lelaki itu sudah

lama mendapatkan rawatan berdasarkan pada banyak tulisan tarikh janji temu yang terdapat dalam kad rawatannya.

Persoalannya, jika sudah lama mengambil ubat secara konsisten, mengapa penyakitnya masih belum sembuh.

Mungkin ubat yang dibekalkan hanya mengawal penyakit tetapi tidak menyembuhkan sepenuhnya. Tiadakah ubat yang benar-benar menyembuhkan penyakit?

PEMERHATI
Kuala Lumpur



PENGAMBILAN ubat dapat mengawal penyakit yang dihadapi oleh seseorang individu. – GAMBAR HIASAN